

19/10/2003

OIC: Dr Mahathir buka mata dunia

Mohd Azlan Jaafar

"CNN dan media asing sudah `hijack' Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC). Mereka menuduh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad anti-Semitik. Mereka kata Dr Mahathir mengajak umat Islam berperang dengan Yahudi," kata seorang editor sebuah akhbar tempatan pagi kelmarin.

Perdana Menteri mencetuskan kontroversi global apabila ucapan pembukaan pada sidang kemuncak ketua negara OIC diputarbelit media Barat sebagai mengajak umat Islam memerangi Yahudi selain menuduh bangsa itu mentadbir dunia secara proksi.

Ketika jam 11.30 pagi kelmarin, Pusat Media Antarabangsa (IMC) di Pusat Konvensyen Putrajaya (PCC) paling sibuk sejak bermulanya persidangan OIC. Perbualan ditumpukan kepada tuduhan media Barat dan reaksi Perdana Menteri.

Seorang wartawan yang membuat carian menggunakan Yahoo mengenai Mahathir dan anti-Semitik, mendapat lebih 20 laman web yang menyenaraikan laporan mengenai ucapan Perdana Menteri.

Satu demi satu laporan berita mengecam kenyataan anti-Semitik terhadap Dr Mahathir disiarkan di laman web. Daripada pentadbiran Amerika Syarikat (AS) kepada Kesatuan Eropah (EU), persatuan Yahudi kepada `Timbalan Sherif Asia' yang dinaikkan pangkat kepada `Sherif', iaitu Australia.

Malah sebuah akhbar Australia menyamakan Dr Mahathir dengan Osama ben Laden. Duta Israel ke Singapura mengaitkan kenyataan Dr Mahathir kepada kenyataan pemimpin Nazi Jerman, Adolf Hitler. Media Barat pula terus sibuk melakukan "pembunuhan" karektor Pengerusi OIC yang baru.

Laporan mengenai kenyataan Perdana Menteri disiarkan akhbar dari New York ke Papua New Guinea sehingga ke China. Jika Dr Mahathir berharap untuk lebih dikenali dunia, beliau amat berjaya hari itu.

Seorang editor dari Oman yang ditanya mengenai tuduhan menyamakan Osama dan Dr Mahathir berkata: "Osama harus berbangga. Dia kini setaraf orang yang paling gemilang di dunia."

Dengan lebih banyak cerita mula tersiar, kemarahan mula meningkat bukan saja di kalangan wartawan tempatan, malah wartawan dari dunia Arab dan Islam.

Kontroversi ucapan Perdana Menteri itu diburukkan apabila agensi berita AP pagi itu melaporkan bahawa Malaysia meminta maaf atas kenyataan anti-Semitik Dr Mahathir.

Agensi itu melaporkan Menteri Luar, Datuk Syed Hamid Albar, sebagai berkata: "I am sorry if you misunderstood his (Dr Mahathir) speech)." Syed Hamid yang ditemui berkata, beliau tidak memohon maaf dan tiada sebab untuk beliau berbuat demikian.

"Perdana Menteri menyatakan kebenaran berdasarkan apa yang dilihat, kajian dan perspektifnya," katanya.

Walaupun ketika Dr Mahathir menerima kecaman di negara Barat, pemimpin dan delegasi anggota OIC menyatakan sokongan terhadap pengerusi baru pertubuhan itu.

Menteri Luar Bangladesh, M Morshed Khan, berkata beliau tidak mengesan sebarang rujukan atau kenyataan yang membawa maksud Perdana Menteri menghasut negara OIC untuk melancarkan perang.

"Mereka (media Barat) membuat jenaka paling hebat alaf ini," katanya.

Sokongan terhadap Perdana Menteri bukan terhad kepada anggota Arab. Presiden Perancis, Jacques Chirac yang dianggap rakan baik Malaysia

berjaya menghalang EU pada sidang kemuncaknya di Itali, daripada memasukkan kenyataan keras mengutuk Dr Mahathir dalam pernyataan persidangan. Satu kemenangan moral yang besar untuk Malaysia.

Ketika menanti penutupan persidangan, tumpuan tidak lagi kepada agenda, resolusi dan deklarasi Sidang Kemuncak OIC, sebaliknya jawapan Perdana Menteri terhadap tuduhan dan kecaman terhadapnya pada sidang akhbar yang menyusul.

Dalam sidang akhbar yang disiarkan secara langsung di RTM1, Dr Mahathir menegaskan beliau tidak perlu meminta maaf mengenai apa yang dimaksudkan dalam ucapan berkenaan.

Malah, beliau berkata, pemimpin dan media Barat bersifat 'talam dua muka' kerana begitu sensitif apabila mereka, termasuk bangsa Yahudi dikritik tetapi mudah menggelarkan orang Islam sebagai pengganas.

Beliau berkata, kandungan ucapannya adalah fakta sejarah.

"Untuk memberitahu saya bahawa saya tidak boleh menyebut fakta sejarah adalah menafikan hak saya terhadap kebebasan bersuara. Saya harap (kali ini), tolong jangan memutar belit jawapan ini," katanya sambil disambut gelak-ketawa di kalangan wartawan.

Perdana Menteri turut menyindir media asing kerana tidak memahami bahasa Inggeris.

"Mungkin bahasa Inggeris saya teruk (sehingga mereka tidak faham)," katanya.

Malah beberapa soalan awal wartawan menumpukan kepada "kegagalan kefahaman" bahasa Inggeris media Barat.

Seorang wartawan berkata, keupayaan Perdana Menteri akan lebih "terpancar" apabila ditolak ke satu penjurong. Perdana Menteri menunjukkan keupayaannya pada sidang akhbar itu.

Dalam segala keghairahan mengenai isu anti-Semitik, ramai yang terlupa tujuan perjumpaan ketua dan pemimpin negara Islam di Putrajaya itu.

Begitu juga mengenai pelan tindakan 12 perkara bagi mengembalikan perpaduan, kesepakatan dan maruah ummah ketika dunia Islam menghadapi cabaran amat hebat.

Pelan tindakan merangkumi aspek politik, ekonomi dan sosial itu terkandung dalam Deklarasi Putrajaya.

Begitu juga pernyataan bersama yang mengecam Israel kerana cuba mengusir pemimpin Palestin, Yasser Arafat yang dipilih secara sah oleh rakyatnya dan serangan terhadap Syria.

Dari satu segi media asing dilihat berjaya mengalihkan tumpuan masyarakat dunia daripada hasil persidangan yang mengecam keganasan Israel, pendudukan bumi Palestin, serangan terhadap Syria, pendudukan tentera penceroboh di Iraq dan Afghanistan.

Begitu juga mengenai bagaimana pertemuan 57 pemimpin negara Islam dapat menentukan masa depan 1.3 bilion umat.

Tetapi jika diteliti, ucapan dan kontroversi yang dicituskan Dr Mahathir menerusi ucapan pembukaannya pada persidangan itu akan dirujuk sepanjang zaman. Ia juga menerima publisiti paling besar luas sejak serang Amerika terhadap Iraq. Pada sidang media berkenaan, wartawan asing menanyakan kepada Dr Mahathir mengenai perasaannya kerana Malaysia tidak lagi mempunyai bangunan paling tinggi di dunia berikutan siapnya Taipei 101 setinggi 1,676 kaki.

Bangunan itu adalah kira-kira 165 kaki lebih tinggi daripada Menara Berkembar Petronas.

"Mereka mempunyai bangunan yang sangat tinggi...lebih tinggi daripada kami tetapi kami mempunyai dua. Kami mengekalkan kelainan mempunyai menara berkembar tertinggi di dunia. Tiada siapa mempunyai itu lagi," kata Dr Mahathir.

Kesimpulan paling sesuai menggambarkan apa yang berlaku di Putrajaya

sejak Khamis lalu. Dengan satu ucapan, Dr Mahathir meletakkan pertubuhan itu di peta dunia.

Dr Mahathir, OIC dan 1.3 bilion umat Islam boleh berdiri megah seperti Menara Berkembar Petronas. Media Barat dan musuh Islam boleh terus berusaha melabel umat Islam sebagai pengganas atau anti-Semitik tetapi mereka tidak akan dapat menghancurkan maruah Islam itu sendiri.